

02 AUG 2001

MAHATHIR-BUSH

PM MUNGKIN TEMUI BUSH DI SIDANG KEMUNCAK APEC SHANGHAI

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau mungkin menemui Presiden AS George W. Bush dalam pertemuan dua hala di acara sampingan Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Apec akan datang jika berpeluang melakukannya.

Perdana Menteri, apabila ditanya oleh pemberita sama ada beliau berhasrat untuk mengadakan pertemuan dua hala dengan Bush, berkata, "saya tidak menolak dan saya tidak menyatakan saya tidak mahu, semua ini bergantung kepada keadaan.

"Jika saya berpeluang menemuinya, saya akan berjumpa dengan beliau. Bagaimanapun, jika saya tidak berpeluang, tak mengapalah."

Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Apec tahun ini akan diadakan di Shanghai pada Oktober.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di Dialog Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, Dr Mahathir berkata adalah satu perkara biasa bagi pemimpin-pemimpin untuk bertemu dalam mesyuarat seumpama itu.

"Ia bukannya persoalan satu permintaan ataupun yang berkaitan dengannya. Jika kami mempunyai masa, kami akan berjumpa. Jika kami tidak mempunyai masa, kami tidak akan berjumpa. Ianya satu perkara biasa," katanya.

Mengenai laporan bahawa AS meletakkan tiga syarat bagi pertemuan itu termasuk layanan lebih baik terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pembebasan tahanan-tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Mahathir berkata, "saya tidak tahu menahu mengenai perkara ini."

Perdana Menteri juga berkata pertemuan dua hala seumpama itu tidak sepatut diletakkan bersama syarat-syarat tertentu.

"Saya tidak fikir kita perlu mempunyai syarat-syarat. Jika kita mahu berbincang, kita hanya perlu berbincang."

Dr Mahathir berkata banyak pihak yang mahu melihat Malaysia mempunyai hubungan baik dengan pentadbiran baru AS dan mereka berusaha dengan cara mereka sendiri untuk membaiki hubungan dua hala.

"Sesetengah daripada mereka adalah ahli perniagaan, sesetengah adalah pihak yang mempunyai kepentingan di Malaysia dan mahu melihat hubungan yang lebih baik antara Malaysia dan AS."

Sementara itu, Dr Mahathir juga ditanya berhubung laporan bahawa Pemuda Umno tidak bersetuju dengan cadangan Majlis Tertinggi Umno untuk melaksanakan sistem meritokrasi bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke universiti.

"Saya tidak fikir mereka tidak bersetuju. Mereka mungkin hanya belum begitu memahami isu tersebut," katanya.

Presiden Umno itu berkata Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein tidak hadir ketika mesyuarat Majlis Tertinggi baru-baru ini apabila keputusan itu dicapai.

Bagaimanapun Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan hadir dalam mesyuarat Kabinet semalam di mana isu itu telah diberi penjelasan lebih lanjut, kata Dr Mahathir.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Abdullah Ahmad Badawi berkata semalam semua menteri menyokong cadangan itu selepas ia diusul dan diperbincangkan. -- BERNAMA

MAD SHY ZK